

Media Title : Berita Harian
Headline : Rugi RM677,565 kena perdaya 'phone scam'
Date : 27 July 2023
Section : Nasional
Page : 23



Rugi RM677,565 kena perdaya 'phone scam'

Kepala Batas: Seorang penjawat awam kerugian RM677,565 akibat diperdaya sindiket 'phone scam' yang mendakwa mangsa memiliki 'barang terlarang'.

Mangsa lelaki berusia lingkungan 40-an menerima panggilan telefon baru-baru ini daripada seorang individu yang kononnya daripada Pos Laju.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Mohd Asri Shafie, berkata individu memberitahu terdapat satu

bungkusan atas nama mangsa, mengandungi barang dilarang berupa lima keping kad mesin ju-ruwang automatik (ATM).

"Mangsa menafikannya sebelum panggilan disambungkan kepada individu lain kononnya pegawai polis dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak.

"Pegawai polis itu kemudian memberitahu mangsa terbabit dalam kes berkaitan dadah dan pengubahan wang haram," katanya.